

06/05/2004

Pak Lah rasmi sidang

ALOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Pengurusan yang dijadualkan pada 28 dan 29 Jun ini di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Din berkata, seminar anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena ulang tahun ke-20 penubuhannya.

Katanya, seminar bertemakan Management Education Excellence: The New Frontiers itu untuk menilai isu semasa berkaitan kecemerlangan akademik.

Beliau berkata, ia turut membincangkan cabaran utama, kekangan dan aliran berkaitan pendidikan pengurusan dalam mengharungi era k-Ekonomi dan kesan globalisasi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyampaikan ucap tama pada 28 Jun manakala majlis penutup disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mohd Shafie Salleh.

Maklumat lanjut persidangan boleh diperoleh menerusi laman web <http://icem.uum.edu.my> atau hubungi sekretariat persidangan di talian 04-9285037/6666.

(END)